

20 AUG 1999

Mahathir-Buryatia

DR MAHATHIR BERADA DI REPUBLIK BURYATIA

Oleh: Azman Ujang

ULAN UDE (Rusia), 20 Ogos (Bernama) -- Selepas tiga hari di China, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di Republik Buryatia hari ini untuk lawatan tiga hari, negara terakhir yang dikunjunginya dalam lawatan yang merangkumi tiga wilayah.

Presiden Buryatia Leonid Potapov, yang melawat Malaysia bulan lepas, menyambut Dr Mahathir, yang diiringi isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali, setibanya pada pukul 2.15 petang (1.15 petang waktu Malaysia) dengan menaiki sebuah pesawat eksekutif sewa khas Canadair SE.

Beliau diberikan sambutan tradisional Buryatia dan Rusia, pertama oleh seorang lelaki Buryat yang melafazkan kata-kata selamat datang serta mengalungkan selempang berwarna biru, dan kemudian oleh seorang gadis Rusia yang menghadiahkan talam yang mengandungi roti dan sebekas garam.

Dr Mahathir dijemput mematahkan roti itu dan mencecahnya dengan garam sebelum memakannya.

Potapov, isterinya, Dr Mahathir, Dr Siti Hasmah dan Duta Malaysia ke Rusia Datuk Yahya Baba, kemudian menghirup susu segar dari sebuah mangkuk, satu lagi adat resam Rusia. Susu melambangkan kesucian.

Dua pesawat eksekutif yang membawa pegawai dan usahawan Malaysia tiba lebih awal, sebuah membawa Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Menteri Pertahanan Datuk Abang Abu Bakar Mustapha, dan sebuah lagi membawa pengerusi Kumpulan Rimbunan Hijau Tan Sri Tiong Hiew King dan beberapa eksekutif syarikat.

Dr Mahathir merupakan ketua kerajaan asing yang pertama melawat Buryatia sejak kawasan Selatan Tengah Asia itu menjadi sebuah negara republik Rusia berautonomi pada 1991.

Buryatia adalah tiga kali ganda lebih besar dari Malaysia tetapi penduduknya hanya berjumlah satu juta orang atau separuh daripada jumlah penduduk Kuala Lumpur dengan majoriti rakyatnya, Buryat, berasal daripada keturunan Mongol.

Kira-kira 360,000 daripada penduduknya menetap di Ulan Ude (yang bermaksud Sungai Merah) yang juga ibu negara republik itu.

Dr Mahathir dan Presiden Potapov kemudian mengadakan pertemuan untuk membincangkan perkara-perkara dua hala.

Tiga tokoh korporat, Tiong, Presiden Airod Tan Sri Ahmad Johan dan Pengarah Eksekutif Malaysia Mining Corporation (MMC) Abdul Shukor Shahar menyertai Dr Mahathir di dalam mesyuarat itu.

MMC berminat untuk menjalin kerjasama dalam bidang perlombongan dengan Buryatia, sebuah rantau yang mengandungi kira-kira 500 jenis bahan galian, kebanyakannya belum diusahakan.

Airod, syarikat baikpulih pesawat Malaysia, sedang berunding dengan para pegawai Rusia di sini untuk membaikpulih pesawat buatan Rusia yang digunakan oleh pelbagai negara di Asia Tenggara dan India, yang dipercayai berjumlah 10,000 buah.

Rimbunan Hijau mempunyai kawasan konsesi balak seluas 600,000 hektar di wilayah Khabarovsk yang dilawati Dr Mahathir sebelum lawatannya ke China.

Esok Dr Mahathir dijadual melawat dua syarikat penerbangan, satu di sini dan satu lagi di Irkutsk, kira-kira 500 km dari sini.

Pada hari Ahad, Dr Mahathir akan menaiki helikopter untuk melawat Tasik Baikal, satu jam perjalanan dari sini.

Dr Mahathir akan menaiki kapal untuk meninjau sekitar tasik itu, yang berukuran 636 km panjang dengan kawasan permukaan 31,500 km persegi atau dua pertiga saiz Semenanjung Malaysia.

Dr Mahathir akan mengadakan persidangan media sekembalinya dari tasik itu pada sebelah petang.

Beliau dijadual pulang ke Kuala Lumpur pada pukul 7.50 pagi Isnin, selepas singgah sebentar di Wuhan, China.

-- BERNAMA

AU AKD